



KERATAN AKHBAR

8 July 2015

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Gamit pelancong
Muka Surat	:	47

Gamit pelancong

■ 170 sukarelawan bekerjasama bersih Pantai Bagan Lalang

Oleh Noor Atiqah Sulaiman

am@hmetro.com.my

Sepang

Seramai 170 sukarelawan dari Kolej SEGI dan KLCC berganding bahu membersihkan Pantai Bagan Lalang, di sini, sebagai satu usaha untuk menarik lebih ramai pelancong ber-kunjung ke pantai berkenaan.

Program berkenaan adalah satu daripada Program Khidmat Masyarakat (CSR) antara Kolej SEGI, KLCC dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang).

Yang Dipertua MPSepang Puasa Md Taib berkata, sambutan menggalakkan dari sukarelawan menunjukkan keprihatinan serta komitmen bagi melindungi, memelihara serta memulihara alam sekitar.

Katanya, alam sekitar adalah tanggungjawab semua dan masyarakat seharusnya menerapkan sikap bertanggungjawab terutama ketika



SUKARELAWAN memasang arca dari barang kitar semula semasa Program Pembersihan dan Mencantikkan Pantai Bagan Lalang.

menggunakan kemudahan yang disediakan di pantai berkenaan untuk mengekalkan kebersihan.

"Saya melihat usaha yang dijalankan ini sangat murni dan ia adalah langkah proaktif bagi meningkatkan pengetahuan, kesedaran,

dan penyertaan masyarakat untuk lebih menghargai alam sekitar lebih-lebih lagi persisiran pantai," katanya.

Puasa berkata, Pantai Bagan Lalang yang menjadi lokasi program itu adalah pantai yang terletak di dalam daerah Sepang yang sering

menjadi lokasi dan tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara.

"Pada tahun lalu, pantai ini menerima seramai 129,546 pelancong, manakala sehingga Mei ini kita sudah menerima hampir 17,778 pelancong," katanya.